

Dr. M diminta berperanan kendurkan ketegangan Pakistan, India

UM 13 JUN 2002

PUTRAJAYA 12 Jun — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad diminta menyuarakan pandangannya kepada India mengenai kesungguhan Pakistan untuk menyelesaikan konflik antara kedua-dua negara terbabit.

Hasrat itu disampaikan oleh Presiden Pakistan, Pervez Musharraf menerusi utusan khasnya, Najmuddin A. Shaikh yang mengadakan pertemuan dengan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di sini hari ini.

Abdullah berkata, Pakistan mahu Malaysia memainkan peranan lebih aktif dalam mengendurkan ketegangan antara kedua-dua negara nuklear terbabit.

Ini kerana, kata beliau, Pakistan sedang merangka semula rundingan dua hala dengan India dalam usaha menyelesaikan krisis yang melanda kedua-dua negara terbabit.

"Mereka (Pakistan) mahu Malaysia terutama Dr. Mahathir memahami kedudukan Pakistan dan berharap Perdana Menteri dapat

menyuarakan pandangannya kepada India," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mengadakan pertemuan dengan Najmuddin di pejabatnya di sini.

Pada perkembangan yang sama, Menteri Luar, Datuk Syed Hamid Albar pada sidang akhbar selepas menerima kunjungan Najmuddin di pejabatnya, hari ini, berkata, Pakistan sedia untuk menerima Malaysia sebagai orang tengah bagi membantu usaha menyelesaikan konflik tersebut.

Beliau bagaimanapun memberitahu jalan penyelesaian kepada konflik dua buah negara bejiran itu sehingga kini belum sampai ke peringkat untuk mencari negara ketiga sebagai orang tengah.

"Kita pantau dulu keadaan semasa. Pada masa ini kita memberi sokongan kepada sebarang usaha damai secara rundingan. Isu negara ketiga tidak timbul lagi," ujarnya.